

## **MEMORANDUM**

### **TOLAK SURUHANJAYA BEBAS TATAKELAKUAN POLIS 2020 (IPCC)**

**12 Oktober 2021**

Organisasi masyarakat sivil Malaysia yang tertulis di bawah dengan tegas menolak Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang telah dibentangkan pada Ogos 2020 dan yang dijangka akan dibentangkan bagi bacaan kedua dalam sesi parlimen ini.

#### **1. Latar Belakang**

Pada tahun 2005, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) telah mencadangkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC). RCI telah menyediakan rang undang-undang yang telah menjelaskan tujuan IPCMC tersebut. IPCMC telah dibentuk untuk menerima dan secara bebas meyasat aduan dan tuduhan salahlaku oleh pihak polis. IPCMC juga telah dibentuk untuk mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan integriti anggota polis.

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) telah membentangkan RUU IPCMC pada Julai 2019. Masyarakat sivil telah dijemput untuk menyelidiki Rang Undang-Undang ini dan telah mengkritik RUU tersebut, oleh kerana ia telah gagal untuk menyediakan Suruhanjaya yang telah dicadangkan dengan kuasa yang mencukupi serta bebas bagi memastikan keberkesanannya. Pihak kerajaan telah membuat 24 pindaan dan telah menjadualkan bacaan kedua pada Oktober 2019.

Sebagai tindakbalas terhadap bantahan orang ramai, kerajaan telah menangguhkan bacaan kedua dan telah merujuk rang undang-undang tersebut kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang (JPK) bagi tujuan pengkajian semula. Setelah melaksanakan rundingan awam yang luas, JPK telah mencadangkan beberapa pindaan. Walaubagaimanapun, kerajaan PH telah jatuh sebelum RUU IPCMC dibentangkan buat kali kedua.

Kerajaan Perikatan Nasional (PN) telah memperkenalkan rang undang-undang yang baru, untuk membentuk Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang kononnya mempunyai tujuan yang sama dengan RUU IPCMC oleh JPK. Namun, RUU IPCC telah mengabaikan usaha-usaha JPK.

RUU IPCC adalah merupakan dokumen regresif. Ia telah mengetepikan perundingan yang berjalan selama bertahun-tahun. RUU IPCC ini adalah usaha untuk mengagalkan usaha bagi memastikan pertanggungjawaban pihak polis. IPCC mempunyai kuasa yang kurang daripada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP). IPCC akan menjadi lebih lagi kurang efektif dari SIAP yang sudahpun sedia lemah. Jika IPCMC yang telah dicadangkan oleh Pesuruhjaya adalah sebiji kelapa, IPCC pula hanya sabutnya sahaja.

## 2. Isu-isu yang menjadi perhatian<sup>1</sup>

Rang undang-undang IPCC telah mencadangkan sekali lagi kelemahan-kelemahan besar yang akan menjejaskan fungsi-fungsi badan penyeliaan dan telah menjadikan badan tersebut tidak relevan sama sekali dan juga merupakan suatu pembaziran dana awam.

Hal ini termasuk:

### 2.1 Kuasa menyiasat yang terhad

Kuasa-kuasa IPCC yang telah dicadangkan adalah tidak mencukupi untuk melakukan siasatan penuh dan teliti ataupun mengambil tindakan terhadap pihak polis yang didapati telah melakukan salah laku atau pelanggaran kuasa yang serius.

i. **Skop yang terhad:** Kuasa-kuasa IPCC adalah terhad dan tidak efektif kerana ia mengecualikan suruhanjaya dari melakukan siasatan sebarang kelakuan yang didapati dalam Perintah Tetap Ketua Polis (IGSO) (Seksyen 96 & 97 Akta Polis 1967). Perintah Tetap biasanya mentadbir isu-isu seperti pengendalian tangkapan, layanan terhadap tahanan, perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan senjata yang dibenarkan, dan lain lain lagi.

#### ***Rang Undang-Undang IPCC 2020 [Seksyen 22(2)]***

##### ***Skop salah laku***

***22. (1) Apa-apa tatakelakuan yang tergolong di bawah mana-mana perihalan yang berikut hendaklah terjumlah sebagai salah laku:***

***(a) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis;***

***(b) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar; dan***

***(c) apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan.***

***(2) Walau apa pun subseksyen (1), salah laku tidak termasuk apa-apa tindakan yang dikawal selia di bawah seksyen 96 dan 97 Akta Polis 1967***

ii. **Keperluan notis awal untuk lawatan.** IPCC boleh membuat lawatan ke balai polis, kuarters, pusat tahanan dan lokap serta membuat saranan yang diperlukan. Walaubagaimanapun, berbeza dengan SIAP, IPCC akan dikehendaki untuk memberikan notis

---

<sup>1</sup> Ini merangkumi analisis daripada pelbagai individu dan organisasi masyarakat sivil.

awal kepada Ketua Jabatan sebelum sebarang lawatan tapak. Notis awal mengurangkan keberkesanan lawatan-lawatan tersebut.

***Rang Undang-Undang 2021 [Seksyen 5(2)(b)]***

***Kuasa Suruhanjaya***

*5. (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa dan boleh menjalankan segala benda yang perlu, atau berkaitan dengan, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.*

*(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Suruhanjaya boleh—*

*(a) menasihati Kerajaan mengenai penambahbaikan kesejahteraan dan kebajikan anggota pasukan polis;*

*(b) membuat lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti balai polis, rumah kakitangan polis, lokap dan pusat tahanan dengan memberikan notis awal kepada Ketua Jabatan yang berkaitan dan membuat apa-apa syor yang perlu;*

*(c) menerima dan menilai apa-apa aduan salah laku bertulis daripada mana-mana orang terhadap mana-mana anggota pasukan polis dan menyiasat aduan itu;*

*(d) mengumpul keterangan yang berhubungan dengan apa-apa aduan bertulis dan penyiasatan salah laku di bawah Akta ini; dan*

*(e) membuat syor tindakan tatatertib ke atas apa-apa salah laku yang dilakukan oleh mana-mana anggota pasukan polis kepada Suruhanjaya Pasukan Polis.*

iii. **Tiada kuasa untuk geledah dan rampas di dalam IPCC.** Kuasa tersebut adalah penting dalam melakukan siasatan bagi salahlaku tertentu seperti kematian dalam tahanan. SIAP mempunyai kuasa geledah dan rampas dan boleh berbuat demikian tanpa waran dalam keadaan-keadaan tertentu.

iv. **Pasukan Petugas.** IPCC boleh menyediakan pasukan petugas untuk melakukan siasatan. Walaubagaimanapun, berbeza dari pasukan petugas SIAP yang mempunyai semua kuasa untuk menyiasat di bawah Kanun Prosedur Jenayah, IPCC tidak mempunyai kuasa sebegitu.

**Rang Undang-Undang IPCC [Seksyen 31]**

**Pasukan Petugas**

31. (1) Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa bilangan Pasukan Petugas untuk membantu Suruhanjaya dalam penyiasatan apa-apa salah laku di bawah Akta ini.

(2) Anggota Pasukan Petugas boleh terdiri daripada pegawai Suruhanjaya dan perunding yang diambil khidmat di bawah seksyen 17.

(3) Seksyen 27, 28 dan 29 dan subseksyen 30(1) dan (2) hendaklah terpakai mutatis mutandis bagi penyiasatan yang dijalankan oleh Pasukan Petugas

v. **Kuasa yang terhad untuk memanggil saksi dan mendesak pengeluaran dokumen.** Sementara IPCC yang dicadangkan mempunyai kuasa untuk memanggil saksi dan mendesak pengeluaran dokumen, seorang saksi boleh menolak untuk menjawab sebarang soalan atau untuk tidak pendedahan dokumen di dalam situasi-situasi yang berikut

- Jika ia akan mendedahkan individu tersebut kepada pertuduhan jenayah/penalti/pelucuthakan.
- Ia disahkan oleh Ketua Jabatan bahawa pendedahan tersebut boleh memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara.
- Jika dokumen tersebut adalah sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972; dan/atau
- Jika individu tersebut berpendapat bahawa jawapan/dokumen memudaratkan keselamatan negara dan memerlukan kelulusan Ketua Jabatan sebelum didedahkan.

Hal ini terus melemahkan lagi prosedur semasa di bawah SIAP di mana seorang saksi yang hadir di hadapan SIAP tidak dikecualikan dari menjawab soalan atau mendedahkan dokumen kerana ianya "boleh menunjukkan kesalahan saksi itu atau cenderung untuk menunjukkan kesalahan saksi itu, atau atas apa-apa alasan terlindung yang lain, kewajipan berahsia atau sekatan lain mengenai penzahiran, atau atas apa-apa sebab alasan lain." Kuasa yang terhad ini akan menjadikannya lebih sukar untuk memecahkan " *blue wall of silence* ".

**Rang Undang-Undang IPCC [Seksyen 27(4)(a)(b)]**

**Kuasa untuk memeriksa orang**

### **Seksyen 27**

*(4) Anggota pasukan polis, pegawai badan awam atau orang yang diperiksa di bawah perenggan (1)(a) hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab semua soalan yang diajukan kepadanya oleh pegawai Suruhanjaya, tetapi anggota pasukan polis, pegawai badan awam atau orang itu—*

*(a) boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkan anggota pasukan polis, pegawai badan awam atau orang itu kepada suatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan; atau*

*(b) boleh enggan mendedahkan maklumat sensitif jika diperaku oleh Ketua Jabatan bahawa pengemukaan maklumat sensitif itu akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara.*

### **Rang Undang-Undang IPCC 2020 [Seksyen 28(5)&(6)]**

#### ***Kuasa untuk memperoleh dokumen atau benda lain***

*28. (1) Suruhanjaya boleh, melalui notis yang disampaikan kepada mana-mana anggota pasukan polis atau pegawai badan awam melalui Ketua Jabatannya atau mana-mana orang menghendaki anggota pasukan polis, pegawai badan awam atau orang itu untuk mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain berhubung dengan penyiasatan itu yang pada pendapat Suruhanjaya adalah berkaitan.*

*(5) Jika suatu dokumen yang diminta oleh Suruhanjaya itu ialah suatu dokumen terperingkat, dokumen itu hendaklah diuruskan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].*

*(6) Jika mana-mana anggota pasukan polis atau pegawai badan awam berpendapat bahawa suatu dokumen atau benda lain yang diminta oleh Suruhanjaya itu mengandungi maklumat yang akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara, anggota pasukan polis atau pegawai badan awam itu hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing sebelum mengemukakan dokumen atau benda lain itu kepada Suruhanjaya.*

## **2.2 Kuasa penguatkuasaan yang terhad**

IPCC juga melucutkan kuasa penguatkuasaan Suruhanjaya kerana ia menghilangkan kuasa untuk mengambil tindakan disiplin ataupun kuasa untuk memastikan tindakan diambil berdasarkan cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya.

Setelah tamatnya siasatan, di mana terdapat tuduhan salahlaku yang telah dikenalpasti, Suruhanjaya hanya diberikan kuasa untuk merujuk hasil siasatan kepada 'pihak berkuasa

berkaitan', Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ataupun Suruhanjaya Pasukan Polis.

Rujukan tersebut tidak termasuk kuasa penguatkuasaan kerana Suruhanjaya tersebut tidak akan mempunyai kuasa untuk memaksa badan tersebut untuk bertindak, atau untuk meminta SPRM atau Suruhanjaya Pasukan Polis untuk melaporkan kembali tindakan yang telah diambil dalam tempoh masa yang tertentu.

Selanjutnya, Suruhanjaya Pasukan Polis adalah dipengerusikan oleh Menteri Dalam Negeri dan keahlian yang merangkumi ketua polis negara, yang besar berkemungkinan mempunyai konflik kepentingan.

### ***Rang Undang-Undang IPCC 2020 [Seksyen 30(1)]***

#### ***Tindakan oleh Suruhanjaya selepas menimbangkan dapatan dan syor Jawatankuasa Aduan***

*30. (1) Selepas menimbangkan dapatan dan syor oleh Jawatankuasa Aduan di bawah subseksyen 29(2), Suruhanjaya hendaklah mengambil tindakan yang berikut:*

*(a) jika dapatan menzahirkan apa-apa kesalahan di bawah Bahagian IV Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, merujukkan dapatan itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;*

*(b) jika dapatan menzahirkan apa-apa kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, merujukkan dapatan itu kepada pihak berkuasa berkaitan;*

*(c) jika dapatan menzahirkan apa-apa salah laku, merujukkan dapatan salah laku itu kepada Suruhanjaya Pasukan Polis dengan syor untuk tindakan tatatertib; dan*

*(d) jika dapatan menzahirkan tiada salah laku, menolak aduan itu dan memaklumkan Ketua Jabatan yang berkaitan.*

### **2.3 Kekurangan kebebasan**

Dibawah IPCC, anggota Suruhanjaya masih dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri dan boleh diberhentikan pada bila-bila masa tanpa sebab.

Setiausaha Suruhanjaya, yang berfungsi sebagai ketua pegawai eksekutif Suruhanjaya, dilantik oleh Menteri Dalam Negeri. Ini seterusnya melemahkan kebebasan Suruhanjaya dengan menjadikan pentadbiran Suruhanjaya di bawah kelolaan Kementerian Dalam Negeri. SIAP kini melantik Setiausaha sendiri.

Selanjutnya, tidak seperti rang undang-undang IPCMC sebelumnya dan SIAP, rang undang-undang semasa tidak melarang pelantikan bekas pegawai polis atau pegawai kerajaan semasa ke suruhanjaya itu.

Saraan anggota Suruhanjaya ditentukan oleh Perdana Menteri. Tidak ada had jawatan bagi Pesuruhjaya, tidak seperti SIAP di mana anggota tidak dapat berkhidmat lebih dari dua penggal berturut-turut.

### ***Rang Undang-Undang IPCC 2020 [Seksyen 6, 7(3) & 8]***

#### ***Anggota Suruhanjaya***

*6. (1) Yang di-Pertuan Agong hendaklah, atas nasihat Perdana Menteri, melantik tidak lebih daripada tujuh anggota Suruhanjaya yang seorang daripadanya hendaklah dilantik sebagai Pengerusi dan seorang lagi sebagai Timbalan Pengerusi.*

#### ***Tempoh jawatan***

*7. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan dia layak untuk dilantik semula.*

*(2) Seseorang anggota Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong.*

*(3) Pelantikan seseorang anggota Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri.*

#### ***Saraan***

*8. Seseorang anggota Suruhanjaya hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun yang ditentukan oleh Perdana Menteri.*

### 3. Unsur-unsur badan penyeliaan yang dicadangkan<sup>2</sup>

Hal-hal berikut harus ditegakkan dalam penerapan undang-undang yang akan meningkatkan kebertanggungjawaban polis:

3.1 **Mandat yang jelas untuk menerima, memulakan dan membuat siasatan penyalahgunaan kuasa yang serius oleh polis**, dan tidak terhad kepada salahlaku disiplin yang kecil. Kes-kes seperti kematian yang disebabkan oleh tindakan pihak polis, kematian dalam tahanan, pelbagai bentuk siksaan, termasuk rogol, kekasaran serius, isu rasuah yang serius dan aduan pelepasan senjata api rasmi pegawai polis, perlu diberi keutamaan.

3.2 **Sebuah suruhanjaya yang tidak berat sebelah, bebas dan telus**. Pelantikan dan pemecatan seorang pesuruhjaya perlulah melalui proses yang bebas, sama ada melalui jawatankuasa pilihan khas parlimen atau panel bebas yang dilantik oleh jawatankuasa tersebut. Tidak sepatutnya ada kawalan atau gangguan yang tidak wajar daripada badan eksekutif. Kriteria dan prosedur pelantikan perlu telus dan didedahkan sebagai kepentingan awam.

Keputusan suruhanjaya hendaklah tidak memihak dan turut dibuat secara telus pada bila-bila masa, membenarkan ia untuk melalui pengawasan awam dan mengembangkan kepercayaan kepada sistem tersebut.

3.3 **Kuasa untuk menyiasat dan memulakan tindakan**. Badan pengawal selia patut diberikan kuasa, melalui mandat serta sumber manusia dan fiskal yang mencukupi, untuk menjalankan siasatan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh polis yang melibatkan pelanggaran hak asasi manusia. Kuasa, yang disertakan dengan sokongan badan-badan lain atau pakar teknikal, harus meliputi, antara lain, kemampuan memanggil saksi, memasuki dan menggeledah premis, merampas dokumen, melakukan tangkapan, dan melaksanakan waran, serta mendesak kerjasama penuh polis.

Polis harus didesak oleh undang-undang untuk bekerjasama dengan badan penyelia.

Selain kuasa untuk menyiasat, suruhanjaya bebas perlu mempunyai kemampuan untuk menindaklanjuti cadangannya untuk tindakan selanjutnya dan mengkaji semula sekiranya tidak berpuas hati dengan tindakan badan berkuasa yang diberi mandat untuk menindaklanjuti keputusan suruhanjaya bebas.

### 4. Kesimpulan

Inya terbukti bahawa rang undang-undang IPCC telah tersasar daripada semangat asal sebagai sebuah badan mengawal selia dan sekiranya diluluskan akan melemahkan mekanisma sedia ada

---

<sup>2</sup> Cadangan ini diambil daripada analisis oleh Amnesty International Malaysia dan organisasi--organisasi lain.



sekarang. Ia akan terus mempertaruhkan kredibiliti dan integriti polis. Kerajaan hari ini perlu manarik semula rang undang-undang IPCC dan mengadakan perundingan lebih lanjut dengan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk organisasi masyarakat sivil supaya dapat mengusulkan rang undang-undang yang mempunyai kepercayaan orang ramai dan berteraskan piawaian antarabangsa.

Memorandum ini dihantar oleh:

1. Amnesty International Malaysia
2. Article 19
3. Centre for Independent Journalism (CIJ)
4. Citizens Against Enforced Disappearances (CAGED)
5. Eliminating Death and Abuse in Custody Together (EDICT)
6. Malaysian Centre for Constitutionalism and Human Rights (MCCHR)
7. Persatuan Hak Asasi Manusia Malaysia (Proham)
8. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)

## Lampiran 1

### Masalah Rang Undang-Undang IPCC

#### Latar Belakang

1. Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 (IPCC) yang dicadangkan akan menyebabkan akauntabiliti polis untuk mundur 10 tahun ke belakang. Ia akan menubuhkan sebuah suruhanjaya yang memantau salah laku anggota polis yang mempunyai **kuasa yang jauh lebih sedikit** daripada kuasa Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) yang ditubuhkan pada tahun 2009. Setelah 12 tahun, cadangan kerajaan untuk menubuhkan sebuah suruhanjaya yang mempunyai kuasa yang sedikit amat sukar untuk diterima.
2. Carta yang mengandungi perbandingan diantara RUU IPCC, RUU IPCMC yang dicadangkan oleh Pakatan Harapan dan Akta SIAP yang sedia ada telah dilampirkan bersama. Peruntukan-peruntukan yang bermasalah telah diringkaskan di bawah.

#### Kekurangan Kebebasan

3. Anggota Suruhanjaya masih dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat daripada Perdana Menteri. Mereka boleh dilucutkan jawatan pada bila-bila masa tanpa sebab.
4. Perdana Menteri yang menentukan saraan yang diterima oleh anggota Suruhanjaya.
5. Setiausaha Suruhanjaya, yang berfungsi sebagai ketua pegawai eksekutif Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Dalam Negeri
  - 5.1 Meletakkan pentadbiran Suruhanjaya di bawah bidang tugas Menteri Dalam Negeri akan mengurangkan kebebasan Suruhanjaya
  - 5.2 EAIC melantik setiausahanya sendiri pada masa ini.
6. Tidak seperti EAIC, ia RUU IPCC tidak mempunyai larangan untuk pegawai polis atau bekas pegawai polis menjadi anggota Suruhanjaya.

7. Ia tidak meletakkan had pada tempoh perkhidmatan anggota Suruhanjaya, tidak seperti EAIC yang mengehadikan tempoh perkhidmatan anggota Suruhanjaya kepada hanya dua penggal berturut-turut.

### **Kekurangan Kuasa**

8. **Lawatan.** IPCC boleh membuat lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti balai polis, rumah kakitangan polis, pusat tahanan dan lokap dan membuat apa-apa syor yang perlu.
  - 8.1 Namun begitu, ia tidak sama seperti EAIC yang tidak perlu memberikan notis. IPCC perlu memberikan notis awal kepada Ketua Jabatan yang berkaitan sebelum melakukan lawatan.
  - 8.2 Notis awal mengurangkan keberkesanan lawatan tersebut.
9. Menggeledah dan merampas. EAIC yang sedia ada mempunyai kuasa untuk menggeledah dan merampas dan boleh berbuat sedemikian tanpa waran dalam beberapa keadaan.
  - 9.1 Kuasa seperti ini amat penting dalam melakukan penyiasatan terhadap beberapa jenis salah laku seperti kematian dalam tahanan.
  - 9.2 IPCC tidak mempunyai kuasa tersebut.
10. **Kuasa Penyiasatan.** Kedua-dua EAIC dan IPCC boleh menubuhkan pasukan petugas untuk melakukan penyiasatan. Namun begitu, pasukan petugas EAIC mempunyai semua kuasa penyiasatan yang termaktub dalam Kanun Prosedur Jenayah (KPJ). Kuasa tersebut tidak wujud di bawah IPCC.
11. **Kuasa untuk melindungi.** RUU IPCMC yang dicadangkan oleh kerajaan PH memberikan kuasa kepada Suruhanjaya untuk mengarahkan Keua Polis Negara (KPN) atau mana-mana badan awam untuk melindungi orang yang membantu Suruhanjaya.
  - 11.1 Walaupun RUU IPCC mengandungi peruntukan yang sama yang membenarkan Suruhanjaya untuk membuat perkiraan untuk melindungi orang yang membantu Suruhanjaya, ia tidak menyatakan apa-apa mengenai kuasa Suruhanjaya untuk mengarahkan IGP atau mana-mana pegawai awam untuk memberi perlindungan tersebut.

### **Skop yang lebih sempit.**

12. **Salah laku.** EAIC mempunyai kuasa untuk menyiasat salah laku termasuk pelanggaran prosedur, kegagalan untuk memberi sebab, dan situasi di mana pegawai tidak menjalankan tugas rasmi. IPCC tidak.
  - 12.1 IPCC tidak membolehkan Suruhanjaya untuk meneliti hal-hal di bawah Arahan Tetap Ketua Polis (IGSO).

### **Memperoleh Bukti-bukti**

13. **Pengecualian.** Di bawah Akta EAIC, orang yang diperiksa hendaklah hadir, menjawab soalan dan mengemukakan bukti, walaupun jawapan atau bukti tersebut mengandungi maklumat sulit atau berkecenderungan mendedahkan diri atau orang kepada pertuduhan jenayah. Walau bagaimanapun, IPCC membolehkan orang yang diperiksa untuk tidak menjawab soalan atau mengemukakan dokumen sulit dalam beberapa keadaan:
  - 13.1 Jika jawapannya berkecenderungan mendedahkan anggota pasukan polis, pegawai badan awam atau orang itu kepada sesuatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucutan;
  - 13.2 Jika diperaku oleh Ketua Jabatan bahawa pengemukaan maklumat yang dipegang orang yang diperiksa tersebut akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara.
  - 13.3 Jika dokumen yang dipegang oleh orang yang diperiksa tersebut dianggap sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi (ARR); dan/atau
  - 13.4 Jika orang yang diperiksa berpendapat bahawa suatu dokumen atau benda lain yang diminta Suruhanjaya itu mengandungi maklumat yang akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara, dan hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing sebelum mengemukakan dokumen atau benda lain itu kepada Suruhanjaya.

## **Kuasa Tatatertib**

14. **Lembaga Tatatertib.** RUU IPCMC yang dicadangkan oleh kerajaan Pakatan Harapan akan menubuhkan Lembaga Tatatertib apabila membuat penemuan mengenai salah laku.
  - 14.1 Lembaga tersebut akan terdiri daripada tiga anggota IPCMC, satu anggota Suruhanjaya Pasukan Polis dan satu anggota pasukan polis.
  - 14.2 Ini bertujuan untuk memperbetulkan situasi pada masa ini di bawah EAIC, di mana ia hanya boleh merujuk kes salah laku kepada mana-mana pihak yang berkuasa dan menerima balik laporan dalam jangka masa 14 hari mengenai tindakan yang diambil dan sebab.
  - 14.3 Walaupun EAIC telah membuat beberapa penemuan mengenai salah laku yang serius, persoalan adakah sebarang tindakan tatatertib telah diambil terhadap pegawai yang terlibat masih kekal.
  
15. **Tiada kuasa tatatertib.** IPCC tidak mempunyai sebarang peruntukan untuk lembaga tatatertib seperti EAIC, perlu merujuk mana-mana kes salah laku kepada pasukan polis. Di bawah IPCC, tiada peruntukan mengenai keperluan pihak polis untuk menghantar balik laporan ke IPCC dalam jangka masa 14 hari.

## **Kesimpulan**

16. RUU IPCC adalah lebih teruk dalam setiap aspek daripada Akta EAIC dan RUU IPCMC yang dicadangkan oleh PH. Ia tidak akan memajukan akauntabiliti polis dalam mana-mana aspek dan akan membuatkan ia mundur 10 tahun ke belakang. Ia perlu ditolak secara keseluruhan.

## Lampiran 2

Kategori	Akta EAIC	RUU IPCMC (PH)	RUU IPCC
<b>Pelantikan anggota Suruhanjaya</b>	Dilantik oleh YDPA atas nasihat Perdana Menteri	Dilantik oleh YDPA atas nasihat Perdana Menteri	Dilantik oleh YDPA atas nasihat Perdana Menteri
<b>Jumlah anggota Suruhanjaya</b>	Tidak melebihi tujuh anggota	Tidak melebihi sepuluh anggota	Tidak melebihi tujuh anggota
<b>Kepakaran yang diperlukan</b>	Tidak dinyatakan	Tidak dinyatakan  (Perubahan terhadap RUU pada Julai 2019 menyatakan anggota hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman, atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme, dalam perkara yang berhubungan dengan undang-undang, pentadbiran, kewangan atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.)	Hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman, atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme, dalam perkara yang berhubungan dengan undang-undang, pentadbiran, penyiasatan, kewangan atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.
<b>Tempoh jawatan</b>	Tidak melebihi tiga tahun, layak dilantik semula.  Tidak melebihi dua penggal berturut-turut.	Tidak melebihi tiga tahun, layak dilantik semula.  Tidak melebihi dua penggal berturut-turut.	Tidak melebihi tiga tahun, layak dilantik semula.  Tiada had untuk tempoh perkhidmatan.
<b>Saraan</b>	Ditentukan oleh YDPA	Ditentukan oleh YDPA	Ditentukan oleh Perdana Menteri
<b>Setiausaha Suruhanjaya</b>	Pegawai eksekutif Suruhanjaya, dilantik oleh Suruhanjaya.	Pegawai eksekutif Suruhanjaya, dilantik oleh Suruhanjaya.	Pegawai Eksekutif Suruhanjaya, dilantik oleh Menteri Dalam Negeri.
<b>Lawatan tapak</b>	Boleh membuat lawatan ke mana-mana agensi penguatkuasaan, termasuk balai polis dan lokap mengikut mana-mana undang-undang bertulis dan membuat apa-apa syor yang perlu.	Boleh membuat lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti balai polis, rumah kakitangan polis, lokap dan pusat tahanan dan membuat apa-apa syor yang perlu.	Boleh membuat lawatan ke mana-mana tempat dan premis seperti balai polis, rumah kakitangan polis, lokap dan pusat tahanan dengan memberikan notis awal kepada Ketua Jabatan yang berkaitan dan membuat apa-apa syor yang perlu.
<b>Pewakilan kuasa</b>		Suruhanjaya boleh mewakilkan fungsi dan kuasanya kepada <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mana-mana anggota Suruhanjaya</li> <li>- Mana-mana pegawai Suruhanjaya</li> <li>- Mana-mana jawatankuasa</li> <li>- Mana-mana anggota pasukan polis</li> </ul>	Suruhanjaya boleh mewakilkan fungsi dan kuasanya kepada <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mana-mana anggota Suruhanjaya</li> <li>- Mana-mana pegawai Suruhanjaya</li> <li>- Mana-mana jawatankuasa</li> <li>- Mana-mana anggota pasukan polis</li> </ul>

<b>Pemecatan?</b>			
<b>Pegawai dan kakitangan Suruhanjaya</b>	Suruhanjaya tidak boleh melantik mana-mana pegawai atau bekas pegawai daripada mana-mana agensi kerajaan .	Suruhanjaya tidak boleh melantik mana-mana anggota polis atau bekas anggota polis.	Suruhanjaya boleh melantik mana-mana pegawai atau bekas pegawai daripada mana-mana agensi kerajaan.
<b>Liputan</b>	Semua pegawai agensi penguatkuasaan	Hanya anggota polis	Hanya anggota polis
<b>Skop</b>	<p>Maksud salah laku:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis</li> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar</li> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan.</li> </ul> <p>Termasuk situasi di mana orang yang bukan pegawai penguatkuasaan terlibat dan pegawai penguatkuasaan tidak menjalankan tugas rasmi.</p>	<p>Maksud salah laku:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis</li> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar</li> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan.</li> </ul> <p>(RUU yang telah dikemas kini) Perdana Menteri, atas nasihat Suruhanjaya, boleh menetapkan sesuatu salah laku kecil yang akan diuruskan oleh pasukan polis sendiri dari segi tindakan disiplin.</p>	<p>Maksud salah laku:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis</li> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang tidak munasabah, tidak adil, menindas atau berdiskriminasi secara tidak wajar</li> <li>- Apa-apa tindakan yang diambil atau tidak diambil yang dilakukan atas motif yang tidak wajar, alasan yang tidak berkaitan atau pertimbangan yang tidak berkaitan.</li> </ul>
<b>Kuasa penyiasatan</b>	Boleh menggeledah dan merampas, tanpa waran dalam beberapa keadaan.	Tiada kuasa untuk menggeledah dan merampas.	<p>Tiada kuasa untuk menggeledah dan merampas.</p> <p>Tiada kuasa penyiasatan yang sama seperti CPC</p>
<b>Kuasa untuk memeriksa orang dan memperoleh dokumen</b>	Anggota pasukan polis, pegawai badan atau orang yang diperiksa hendaklah hadir, jawab soalan dan	Anggota pasukan polis, pegawai badan atau orang yang diperiksa hendaklah hadir.	Anggota pasukan polis, pegawai badan atau orang yang diperiksa hendaklah hadir dan menjawab semua soalan tetapi:

<b>atau benda lain</b>	mengemukakan bukti, walaupun jawapan atau bukti tersebut mengandungi maklumat sulit atau berkecenderungan mendedahkan diri atau orang kepada pertuduhan jenayah.	Tiada peruntukan berkenaan kewajiban untuk memberi jawapan yang mengandungi maklumat sulit atau berkecenderungan mendedahkan diri atau orang kepada pertuduhan jenayah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- boleh enggan menjawab mana-mana soalan yang jawapannya berkecenderungan mendedahkan anggota pasukan polis, pegawai badan awam atau orang itu kepada sesuatu pertuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.</li> <li>- boleh enggan mendedahkan maklumat sensitif jika diperaku oleh Ketua Jabatan bahawa pengemukaan maklumat sensitif itu akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara.</li> <li>- boleh enggan untuk mendedahkan dokumen sulit di bawah OSA.</li> <li>- boleh enggan jika berpendapat bahawa suatu dokumen atau benda lain yang diminta Suruhanjaya itu mengandungi maklumat yang akan memudaratkan keselamatan negara atau kepentingan negara, dan hendaklah mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing sebelum mengemukakan dokumen atau benda lain itu kepada Suruhanjaya.</li> </ul>
<b>Pendengaran awam</b>	Mempunyai kuasa untuk mengadakan pendengaran awam.	Tiada peruntukan mengenai pendengaran awam.	Tiada peruntukan mengenai pendengaran awam.
<b>Pihak yang berminat</b>	Pihak yang berminat mempunyai kuasa untuk menyoal orang yang memberi keterangan	Tiada peruntukan untuk kuasa pihak yang berminat untuk terlibat dan menyoal orang yang memberi keterangan	Tiada peruntukan untuk kuasa pihak yang berminat untuk terlibat dan menyoal orang yang memberi keterangan
<b>Kuasa tatatertib</b>	Hanya boleh mengesyorkan tindakan	Setelah penemuan mengenai salah laku	Hanya boleh mengesyorkan tindakan yang patut diambil



	<p>tatatertib kepada pihak yang berkuasa.</p> <p>Pihak berkuasa perlu menghantar balik laporan berkenaan tindakan yang diambil dan sebab dalam jangka masa 14 hari ke EAIC.</p>	<p>dibuat, sebuah Lembaga Tatatertib mula bersidang yang terdiri daripada:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>ketua pengerusi (anggota IPCMC)</li> <li>dua anggota IPCMC</li> <li>satu anggota Suruhanjaya Pasukan Polis</li> <li>satu anggota pasukan polis</li> </ol> <p>salah laku kecil – dihantarkan semula ke polis untuk diuruskan</p>	<p>oleh polis kepada Suruhanjaya Pasukan Polis.</p> <p>Tiada peruntukan untuk Suruhanjaya Pasukan Polis</p>
<b>Pasukan petugas</b>	<p>Boleh menubuhkan pasukan petugas.</p> <p>Boleh terdiri daripada pegawai Suruhanjaya dan perunding.</p> <p>Mempunyai semua kuasa penyiasatan yang termaktub dalam CPC, selain kuasa dalam Akta EAIC.</p>	<p>Boleh menubuhkan pasukan petugas untuk membantu Suruhanjaya dalam penyiasatan.</p> <p>Boleh terdiri daripada pegawai Suruhanjaya dan perunding.</p> <p>Mempunyai semua kuasa penyiasatan yang termaktub dalam CPC, selain kuasa dalam Akta IPCMC.</p>	<p>Boleh menubuhkan pasukan petugas.</p> <p>Boleh terdiri daripada pegawai Suruhanjaya dan perunding.</p> <p>Tiada peruntukan mengenai kuasa penyiasatan yang termaktub dalam CPC yang dipegang oleh pasukan petugas.</p>
<b>Suruhanjaya memulakan penyiasatan</b>	<p>Suruhanjaya boleh memulakan suatu penyiasatan salah laku atas inisiatifnya sendiri tapi hanya jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa ia adalah demi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian.</p>	<p>Suruhanjaya boleh memulakan suatu penyiasatan salah laku atas inisiatifnya sendiri tapi hanya jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa ia adalah demi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian.</p>	<p>Suruhanjaya boleh memulakan suatu penyiasatan salah laku atas inisiatifnya sendiri tapi hanya jika Suruhanjaya berpuas hati bahawa ia adalah demi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian.</p>
<b>Peraturan</b>	<p>Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini.</p>	<p>Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini.</p>	<p>Menteri Dalam Negeri boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud menjalankan atau melaksanakan peruntukan Akta ini.</p>
<b>Rujukan berkenaan kecederaan parah atau kematian dalam tahanan</b>	<p>Tiada fasal tersebut.</p>	<p>Pasukan polis akan merujuk apa-apa kejadian yang telah menyebabkan berlakunya cedera parah atau kematian dalam tahanan kepada Suruhanjaya.</p>	<p>Tiada fasal tersebut.</p>
<b>Perlindungan orang yang membantu Suruhanjaya</b>	<p>Tiada peruntukan mengenai perkiraan untuk melindungi orang yang membantu Suruhanjaya.</p>	<p>Suruhanjaya boleh membuat apa-apa perkiraan untuk melindungi orang yang membantu Suruhanjaya.</p> <p>Boleh mengarahkan IGP, mana-mana badan awam</p>	<p>Suruhanjaya boleh membuat apa-apa perkiraan untuk melindungi orang yang membantu Suruhanjaya.</p> <p>Tiada peruntukan untuk mengarahkan IGP atau mana-mana badan awam</p>

		<p>atau pegawai untuk patuh kepada arahan Suruhanjaya untuk memberi perlindungan.</p> <p>Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang dibuat di bawah seksyen ini telah melakukan kesalahan.</p>	<p>untuk mematuhi arahan Suruhanjaya.</p>
<p><b>Ugutan terhadap orang yang memberikan keterangan</b></p>	<p>Seseorang yang menghalang atau cuba untuk menghalang orang yang memberi keterangan melakukan suatu kesalahan.</p>	<p>Seseorang yang menghalang atau cuba untuk menghalang orang yang memberi keterangan melakukan suatu kesalahan.</p>	<p>Seseorang yang menghalang atau cuba untuk menghalang orang yang memberi keterangan melakukan suatu kesalahan.</p>

\*Terdapat perubahan yang dilakukan terhadap RUU pada Julai 2019 semasa RUU dihantar ke peringkat Jawatankuasa